

Mahathir: Langkah

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

pertama sebelum

kasino diharamkan

Oleh Jamaluddin Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan larangan umat Islam masuk ke kasino di Genting Highlands dikuatkuasakan mulai Jumaat ini.

Beliau memberitahu *Berita Harian* selepas mempengerusikan mesyuarat Biro Politik Umno di sini petang ini, "Pengharaman umat Islam Malaysia masuk ke kasino itu adalah langkah pertama ke arah pengharaman kasino di negara ini."

Perdana Menteri berkata, tindakan melarang umat Islam negara ini sahaja masuk ke pusat perjudian itu adalah kerana kesukaran mengenali rakyat asing yang Islam dan bukan Islam.

"Ada antara rakyat

asing yang mengunjungi tempat itu beragama Islam, tetapi menggunakan nama Kristian dan bukan Islam menggunakan nama Islam.

"Disebabkan kesukaran ini, adalah wajar di peringkat permulaan kita mengharamkan umat Islam dari negara ini sahaja dari mengunjungi Casino de Genting," tegas beliau.

Larangan

Berita Harian hari ini melaporkan, larangan itu dikuatkuasakan mulai jam 10 pagi Jumaat dan pegawai-pegawai penguatkuasa dari Perbendaharaan dan pegawai keselamatan pihak Genting akan ditugaskan di pintu masuk kasino bagi menguatkuasakan

larangan itu.

Mengenai mesyuarat Biro Politik Umno, beliau menyatakan, ia adalah mesyuarat biasa dan tidak ada kaitan langsung dengan ugutan Russia hendak membekalkan senjata kepada pengganas komunis di rantau ini.

"Biro Politik hanya membincangkan masalah berkaitan dengan projek-projek Umno dan beberapa isu lain," ujarnya.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Encik Ghafar Baba, Datuk Harun Haji Idris, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Ketua Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim.